Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN: 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 4, e002175
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2175

Keterlibatan Murid Sekolah Menengah Luar Bandar: Peranan Sokongan Ibu Bapa dan Guru

(Rural Secondary School Student Engagement: The Supportive Role of Parents and Teachers)

Elisa Gerit James[1*], Shahlan Surat[2], Saemah Rahman[3]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi Selangor Malaysia.
Email: mrsky26@yahoo.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi Selangor, Malaysia.
Email: drsaemahrahman@yahoo.com.my
[3]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi Selangor, Malaysia.
Email: drshahlan@ukm.edu.my

CORESSPONDING AUTHOR (*):
Elisa Gerit James
(mrsky26@yahoo.com)

KATA KUNCI:
Keterlibatan murid
Sokongan ibu bapa
Sokongan guru
Sekolah menengah luar bandar

KEYWORDS:
Student involvement
Parental support
Teacher support
Rural secondary school

CITATION:
Elisa Gerit James, Shahlan Surat & Saemah Rahman. (2023). Keterlibatan Murid Sekolah Menengah Luar Bandar: Peranan Sokongan Ibu Bapa dan Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(4), e002175. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2175

ABSTRAK

Keterlibatan murid memainkan peranan penting dalam pembelajaran di sekolah di samping mempengaruhi perkembangan diri murid. Tujuan utama kajian ini dijalankan iaitu untuk mengenal pasti sokongan ibu bapa dan guru terhadap keterlibatan murid di lima buah sekolah menengah luar bandar daerah Subis. Kajian ini dijalankan dalam bentuk tinjauan. Data dikumpulkan menggunakan teknik pengumpulan data secara rawak terhadap 260 orang responden murid tingkatan 5 di daerah Subis. Cara pengumpulan data adalah menggunakan instrumen borang soal selidik. Untuk menganalisis frekuensi, peratus, min, dan sisihan piawaian analisis deskriptif telah digunakan. Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tahap sokongan guru terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar pada tahap yang tinggi (M=4.04, SP= 0.53). Namun tahap sokongan lain seperti tahap keterlibatan individu murid menunjukkan tahap yang sederhana tinggi iaitu (M=3.77, SP=0.58) dan tahap sokongan ibu bapa (M=3.8, SP=0.52) pada tahap sederhana tinggi. Terdapat hubungan positif yang signifikan antara sokongan ibu bapa dengan keterlibatan murid (r=0.580, p=0.0001) dan ini terbukti melalui analisis Korelasi Pearson yang telah dikaji. Kesimpulannya keterlibatan murid saling berhubung dengan sokongan ibu bapa dan guru. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan khususnya terhadap sekolah-sekolah menengah luar bandar, ibu bapa dan guru.

ABSTRACT

Student involvement plays an important role in learning at school in addition to influencing the students personal development.The main purpose of this study was to identify the support of parents and teachers toward student involvement in five rural secondary schools in Subis district.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

This study is conducted in the form of a survey. Data was collected using random data collection technique on 260 5th grade student respondents in Subis district. This study is conducted in the form of survey. The method of data collection is to use a questionnaire instrument. To analyze the frequency, percentage, mean and standard deviation descriptive analysis was used. Overall, the findings of the study show the level of teacher support for the involment of rural secondary school students at high level (M=4.04, SP=0.53). However, other levels of support such as the level of individual involvement of student show a moderatel high level which is (M=3.77, SP =0.58) and the level of parental support (M=3.8, SP=0.52) is at a moderately high level.There is a significant positive relationship between parental support and student involvement (r=0.580, p=0.0001) and this is proven through the Pearson Correlation analysis that has been studied. In conclusion, student involvement is interconnected with the support of parents and teachers.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada yang mengkaji keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar serta peranan sokongan ibu bapa dan guru di daerah Subis dan sumbangan utama kajian ini mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara keterlibatan murid dengan sokongan ibu bapa dan guru.

1. Pengenalan

Keterlibatan murid memainkan peranan penting dalam pembelajaran di sekolah di samping mempengaruhi perkembangan pada murid. Konsep ini semakin mendapat perhatian, kerana ia menumpukan kepada perkembangan diri murid dan secara tidak langsung elemen ini mempengaruhi kecemerlangan akademik dan sahsiah.

Sokongan persekitaran murid seperti sokongan daripada guru, ibu bapa dan rakan sebaya sering dikaitkan dengan keterlibatan murid di sekolah (Irwan Fariza, Mohd Mahzan & Abdul Razaq, 2020). Tanggungjawab ibu bapa mendidik anak-anak begitu juga menyokong segala aktiviti di sekolah adalah satu perkara yang besar serta penting. Ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak.

Oleh itu didikan ibu bapa dalam membentuk perkembangan diri serta perhatian yang secukupnya dalam aktiviti pembelajaran di sekolah terhadap anak-anak adalah penting kerana ia akan memberi kesan mendalam terhadap perkembangan anak-anak pada masa akan datang.

Untuk membentuk konsep kendiri anak-anak, sokongan ibu bapa dalam pendidikan adalah amat penting. Tanggungjawab mendidik anak-anak bukan sahaja terletak sepenuhnya kepada guru, walaupun separuh daripada masa anak-anak di sekolah. Namun ibu bapa juga harus mengambil perhatian dalam hal ini.

Manakala dalam konteks sekolah tidak dinafikan peranan guru juga turut memainkan peranan yang penting bagi meningkatkan keterlibatan murid di sekolah. Guru merupakan antara individu yang banyak meluangkan masa bersama murid-murid ketika di sekolah. Peranan guru amat besar dalam memastikan keterlibatan murid di sekolah. Kebolehan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

seseorang guru menyampaikan isi pengajaran dan pembelajaran dengan menarik boleh mempengaruhi keterlibatan murid di dalam kelas. Setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran haruslah sentiasa dilaksanakan dengan kreativiti yang tinggi agar menarik minat murid untuk mereka mengikuti sesi pembelajaran sepanjang sesi persekolahan.

Oleh itu, isu keterlibatan murid dalam pembelajaran ini adalah penting untuk dikaji. Namun demikian, kajian-kajian yang melihat kepada keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar kurang memberikan tumpuan kepada penglibatan ibu-bapa dan guru, terutamanya dalam konteks sekolah menengah luar bandar di Sarawak. Persoalan menarik yang boleh dikemukakan di sini adalah mengapakah isu ini kurang diberikan perhatian dalam sekolah-sekolah menengah luar bandar Sarawak?

1.1. Objektif Kajian

i. Mengenal pasti tahap keterlibatan individu murid sekolah menengah luar bandar.
ii. Mengenal pasti sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar.
iii. Mengenal pasti sokongan guru terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar.
iv. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan ibu bapa terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar.
v. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan guru terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar.

2. Sorotan Literatur

2.1. Keterlibatan murid

Keterlibatan murid dalam aktiviti di sekolah adalah satu aspek pembelajaran dan perkembangan pelajar yang perlu diberi perhatian (Hanita & Norzaini, 2018). Keterlibatan murid telah didefinisikan dalam tiga kategori yang pertama ialah keterlibatan afektif kajian Skinner dan Belmont (1993) keterlibatan afektif didefinisikan sebagai perasaan dan emosi murid terhadap sesuatu pembelajaran. Seterusnya keterlibatan tingkah laku Lam et al. (2012) yang menyatakan keterlibatan tingkah laku adalah merujuk seseorang murid yang telah melibatkan diri di sekolah sama ada mempelajari aktiviti kurikulum atau kokurikulum, seterusnya keterlibatan kognitif, ialah melibatkan intelek serta penguasaan seseorang murid terhadap akademik. Keterlibatan murid ketika mereka di sekolah sebenarnya banyak membantu menyiapkan murid bagi menghadapi cabaran kerja serta menggalakkan daya tahan motivasi mereka (Martin & Marsh, 2009).

Murid sering memperoleh pengalaman, pengetahuan, serta dapat membina personaliti ketika mereka di sekolah. Dengan melibatkan diri di sekolah ia akan mendorong serta menjadi petunjuk bagi pencapaian seterusnya serta menyumbang kepada perkembangan sosial dan kognitif murid. Keterlibatan murid ini perlu dikaji lebih mendalam lagi yang merangkumi elemen-elemen penting yang perlu diutamakan terutama elemen penglibatan murid kawasan luar bandar di Sarawak khususnya murid sekolah menengah.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2.2. Sokongan Ibu bapa

Sokongan ibu bapa merujuk kepada elemen penting yang tidak boleh dianggap remeh kerana ianya mempengaruhi keyakinan, motivasi serta minat murid agar tidak tercicir dalam proses pembelajaran. Menurut kajian lepas oleh Manisah dan Noorfaziha (2018) telah menjelaskan terdapat beberapa faktor yang memberi kesan kepada penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara faktor tersebut ialah faktor ibu bapa dan guru. Kajian ini juga mendapati bahawa sokongan motivasi ibu bapa memberi impak yang besar kepada perkembangan anak-anak di samping itu mendorong kepada keterlibatan yang baik dalam pembelajaran anak-anak mereka. Menurut McInercy (2010) Ibu bapa yang memberi tumpuan dan sokongan kepada anak-anak menggalakkan anak-anak mereka untuk lebih berjaya dalam pendidikan. Begitu juga menurut Knollmann dan Wild (2007), penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak banyak berkait dengan penglibatan kana-kanak dalam pembangunan pendidikan mereka. Secara keseluruhannya kajian-kajian lepas ini telah membuktikan bahawa pentingnya peranan ibu bapa dalam mempengaruhi keterlibatan murid. Oleh itu kajian ini perlu dilaksanakan terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar Sarawak.

2.3. Sokongan guru

Guru merupakan tunjang utama sekolah yang juga merupakan pendidik yang akan membantu dalam keterlibatan murid di sekolah di samping menentukan peningkatan prestasi murid. Sokongan guru semasa dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam kelas adalah penting bagi meningkat keterlibatan murid (Ahmad Fauzi, Aida Suraya & Rosnaini, 2018).

Kebanyakan kajian terutama dalam bidang pendidikan guru merupakan golongan utama yang menyumbang kepada keterlibatan murid .Oleh itu kebanyakan kajian mendapati keterlibatan murid secara aktif di dorong daripada sokongan guru (Manisah & Noorfaziha, 2018). Dapatan kajian Khairunnisa (2019) telah mendapati bahawa sebagai seorang pembimbing , pemberi motivasi guru adalah memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Tidak dinafikan juga guru merupakan orang yang paling lama menghabiskan masa bersama murid. Dalam kajian Daniel (2021) ada menjelaskan situasi yang boleh mempengaruhi penglibatan pelajar iaitu arahan guru misalnya boleh mempengaruhi tingkah laku pelajar secara positif penglibatan seperti penyertaan kelas, kehadiran dan tingkah laku dalam bilik darjah. Dari awal lagi dalam perkembangan tingkah laku kanak-kanak, pihak sekolah dan guru memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku mereka yang positif.Ini bermakna tingkah laku guru merupakan luaran yang dapat mempengaruhi tingkah laku murid seterusnya menjadi daya tarikan kepada murid untuk melibatkan diri dengan baik ketika di sekolah. Disinilah kita dapat melihat peranan sokongan guru ini memberi impak yang besar kepada penglibatan murid dalam pembelajaran. Oleh itu kajian ini perlu dilaksanakan untuk mengkaji lebih mendalam lagi akan faktor guru terhadap penglibatan murid terutama kawasan-kawasan sekolah luar bandar di Sarawak.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya iaitu menggunakan kaedah tinjauan. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian ini untuk

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

meninjau sokongan ibu bapa dan guru serta hubungannya dengan keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar. Reka bentuk kajian ialah satu cara untuk mengolah data yang telah dipungut dengan rancangan khusus serta sistematik antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesebuah kajian. Creswell (2014) menerangkan rasional memilih reka bentuk ini adalah bertujuan untuk memungut maklumat tentang sifat populasi dari aspek untuk menyatakan pelbagai masalah serta isu dalam pelbagai perspektif terutamanya menghuraikan sikap, perasaan, tingkah laku dan persepsi. Antara ciri yang seterusnya ialah kajian ini mempunyai cara pengendalian yang digemari, ia dilakukan melalui 30 pemberian soal selidik, temu bual atau kedua-duanya sekali. Kajian ini juga dapat digunakan untuk memungut data dengan cepat serta menjimatkan kos. Jawapan subjek serta keputusan analisis dapat dikumpulkan secara terus dalam masa yang singkat daripada responden.

3.2. Pensampelan Kajian

Bagi menentukan saiz sampel, pengkaji telah menggunakan formula Krejcie dan Morgan (1970) dan disokong oleh pandangan Gay dan Airasian (2003). Populasi kajian ini adalah terdiri daripada murid sekolah yang berfokus kepada 5 buah sekolah menengah luar bandar. Pengkaji telah memilih murid sekolah menengah dan responden adalah dipilih secara rawak. Sampel kajian terdiri daripada 260 orang responden murid sekolah menegah luar bandar daerah Subis.

3.3. Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk kajian ini. Instrumen ini digunakan untuk mendapatkan data berbentuk kuantitatif. Terdapat 4 bahagian utama di dalam instrumen kajian ini iaitu:

I. Bahagian A: Latar belakang responden
II. Bahagian B: Tahap keterlibatan individu murid di sekolah
III. Bahagian C: Tahap sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid
IV. Bahagian D: Tahap sokongan guru terhadap keterlibatan murid

Skala Likert juga digunakan sepenuhnya pada bahagian B,C dan D. Selain itu dalam pembinaan soal selidik ini adalah berpandukan kepada beberapa aspek penting iaitu item yang pendek dan ringkas.

3.4. Prosedur Pengumpulan Data

Borang soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data kajian. Dimana data dikumpulkan secara sistematik. Pengedaran borang soal selidik terhadap responden adalah melalui perkhidmatan atas talian seperti Telegram, Whatsapp dan Mssenger serta secara terbuka. Kaedah ini digunakan adalah bagi memudahkan untuk mengakses data kajian dengan mudah dan cepat terhadap responden kajian yang berada dalam lingkungan lokasi berjauhan daripada pengkaji.

3.5. Prosedur Penganalisisan Data

Proses penganalisisan data adalah menggunakan SPSS (*Statistical Package For Social Sciences*). Analisis statistik deskriptif digunakan bagi melaporkan statistik asas seperti frekuensi, peratus, min, sisihan piawai dan taburan skor. Sementara, analisis korelasi

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian tentang pertalian yang wujud antara pemboleh bersandar.

4. Hasil Kajian

4.1. Taburan demografi responden

Kajian ini melibatkan 260 orang murid tingkatan 5 dari lima buah sekolah menengah Luar Bandar Daerah Subis. Jadual 1 menunjukkan analisis data taburan demografi responden mengikut jantina. Responden lelaki seramai 104 orang iaitu bersamaan 40.0%. Manakala responden perempuan seramai 156 orang bersamaan 60.0%.

Jadual 1: Taburan jantina responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	104	40.0%
Perempuan	156	60.0%
Jumlah	260	100%

4.2. Tahap keterlibatan individu murid di sekolah menengah luar bandar

Jadual 2 menunjukkan analisis data berkaitan tahap keterlibatan murid di sekolah. Min keseluruhan ialah 3.77, adalah pada tahap sederhana. Item bagi min tertinggi adalah item ke 4 " Saya sentiasa hadir setiap kali waktu persekolahan" iaitu sebanyak 4.18. Manakala min terendah ialah item ke 6 " Saya selalu menyertai aktiviti sekolah dalam aktiviti yang dijalankan iaitu sebanyak 3.17, namun masih berada dalam kedudukan sederhana tinggi. Daripada dapatan kajian, didapati tahap penglibatan individu murid di sekolah menengah luar bandar adalah tinggi dan sederhana tinggi.

Jadual 2: Tahap keterlibatan individu murid di sekolah

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Semasa di dalam kelas saya mengambil bahagian dalam aktiviti kelas	4.00	.725	Sederhana tinggi
Saya bersemangat menyiapkan setiap tugasan yang diberikan oleh guru	3.90	.794	Sederhana tinggi
Saya suka bertanya ketika guru mengajar	3.80	.890	Sederhana tinggi
Saya sentiasa hadir setiap kali waktu persekolahan	4.18	.884	Tinggi
Saya menyertai setiap aktiviti yang diadakan di sekolah	3.69	.949	Sedehana tinggi
Saya selalu mewakili sekolah dalam aktiviti yang dijalankan	3.17	.945	Sederhana tinggi
Saya sentiasa bertanya kepada guru tentang aktiviti yang dijalankan di sekolah	3.71	.891	Sederhana tinggi
Min Keseluruhan	3.77		Sederhana tinggi

Jadual 3 menunjukkan analisis data berkaitan analisis deskriptif tahap sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar. Min keseluruhan ialah 3.85, adalah pada tahap sederhana tinggi. Item bagi min tertinggi ialah daripada item ke 3 " Ibu bapa sentiasa menggalakkan saya untuk berusaha bersungguh-sungguh di sekolah"

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dengan min 4.50. Manakala min terendah ialah daripada item ke 2 " Ibu bapa sukar memahami aktiviti saya di sekolah" iaitu 2.86. Daripada dapatan kajian, didapati tahap sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar adalah tinggi dan sederhana tinggi.

Jadual 3: Tahap sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ibu bapa saya terlibat dengan aktiviti saya di di sekolah.	3.37	.927	Sederhana Tinggi
Ibu bapa sukar memahami aktiviti saya di sekolah.	2.86	1.039	Sederhana rendah
Ibu bapa sentiasa menggalakkan saya untuk berusaha bersungguh-sungguh di sekolah.	4.50	.817	Tinggi
Ibu bapa sering bertanya tentang sekolah saya.	4.06	.903	Tinggi
Saya suka dengan kehadiran ibu bapa saya di sekolah.	4.34	.792	Tinggi
Ibu bapa sentiasa menyediakan keperluan saya di sekolah.	4.42	.684	Tinggi
Ibu bapa sentiasa berhubung dengan guru di sekolah berkaitan saya.	3.43	.994	Sederhana tinggi
Min keseluruhan	3.85		Sederhana tinggi

4.3. Tahap sokongan guru terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar

Jadual 4 menunjukkan analisis data berkaitan analisis deskriptif tahap sokongan guru terhadap keterlibatan murid di sekolah. Min keseluruhan ialah 4.04 adalah pada tahap tinggi. Item bagi min tertinggi adalah daripada item ke 3 "Guru mengajar saya dengan baik dan penuh bersemangat" dengan min 4.33 dalam kedudukan tinggi. Manakala min terendah ialah pada item ke 6 " Guru sentiasa berhubung dengan ibu bapa saya berkaitan pembelajaran saya di sekolah iaitu 3.40 dalam kedudukan sederhana tinggi. Daripada dapatan kajian, didapati tahap sokongan guru terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar adalah tinggi dan sederhana tinggi.

Jadual 4: Analisis deskriptif tahap sokongan guru terhadap keterlibatan murid

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Di sekolah saya, terdapat guru yang mengambil berat tentang saya	3.79	.840	Sederhana tinggi
Di sekolah saya, terdapat guru yang baik dengan saya	4.22	.724	Tinggi
Guru mengajar saya dengan baik dan penuh bersemangat	4.33	.662	Tinggi
Guru selalu membimbing saya dalam menyiapkan tugasan	4.23	.640	Tinggi
Guru selalu menggalakkan saya dan rakan-rakan untuk berbincang tentang pelajaran	4.25	.774	Tinggi

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Guru sentiasa berhubung dengan ibu bapa saya berkaitan pembelajaran saya di sekolah	3.40	.971	Sederhana tinggi
Guru menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik ketika mengajar	4.12	.809	Tinggi
Min keseluruhan	4.04		Tinggi

4.4. Hubungan antara keterlibatan individu murid dengan sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid

Jadual 5 menunjukkan analisis data berkaitan analisis Korelasi Pearson(r) antara keterlibatan individu murid dengan sokongan ibu bapa dalam keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara keterlibatan individu murid (r=0.580, p=0.001) dengan sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid. Merujuk kepada Cohen (1988), nilai pekali korelasi (r) di antara 0.51hingga 0.70 adalah pada tahap yang sederhana. Maka dengan ini disimpulkan bahawa keterlibatan individu murid mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar.

Jadual 5: Analisis korelasi antara keterlibatan individu murid dengan sokongan ibu bapa

Sokongan ibu bapa	**N**	**Korelasi Pearson**	**Sig. (2 tailed) p**
Keterlibatan murid Sokongan Ibu bapa	259	0.580**	0.001

*Korelasi signifikan pada paras 0.01 (2 *tailed*)

4.5. Hubungan antara keterlibatan individu murid dengan sokongan guru terhadap keterlibatan murid

Jadual 6 menunjukkan analisis data berkaitan analisis korelasi Pearson (r) antara keterlibatan individu murid dengan sokongan guru dalam keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara keterlibatan individu murid dan sokongan guru terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara keterlibatan individu murid (r=0.675, p=0.001) dengan sokongan guru terhadap keterlibatan murid. Merujuk Cohen (1988), nilai pekali korelasi (r) di antara 0.51 hingga 0.70 adalah pada tahap yang sederhana . Maka dengan ini disimpulkan keterlibatan individu murid mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan sokongan guru terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar.

Jadual 6: Analisis korelasi antara keterlibatan individu murid dengan sokongan ibu bapa

Pemboleh Ubah	**N**	**Korelasi Pearson**	**Sig. (2 tailed) p**
Keterlibatan Murid Sokongan guru	260	.675**	0.001

** Korelasi signifikan pada paras 0.01 (2 *tailed*)

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Perbincangan Dapatan Kajian

Melalui analisis keseluruhan yang telah di jalankan, didapati terdapat hubungan di antara sokongan ibu bapa dan guru terhadap keterlibatan murid tingkatan 5 Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Subis . Berdasarkan hasil data yang merujuk kepada sokongan ibu bapa terhadap keterlibatan murid menunjukkan hasil data pada tahap sederhana tinggi iaitu ibu bapa sukar memahami aktiviti anak mereka ketika di sekolah. Ini bermakna kebanyakan responden merasakan bahawa ibu bapa mereka tidak membentuk komunikasi yang baik dan tidak mengambil berat serta cakna akan setiap aktiviti yang mereka jalani ketika di sekolah di samping itu menyebabkan kurangnya sokongan mereka terhadap aktiviti anak di sekolah keadaan ini telah mempengaruhi keterlibatan anak mereka ketika di sekolah. Dapatan ini mengukuhkan kajian terdahulu oleh Khairunnisa (2019). Ibu bapa perlu membentuk komunikasi yang positif dengan anak-anak sebagai tanda mengambil berat ,kasih sayang dan kehangatan di dalam menjalinkan hubungan yang positif terhadap anak-anak mereka. Kajian ini juga disokong oleh teori penglibatan ibu bapa oleh Epstein et al. (2009), teori ini menekankan tentang tanggungjawab ibu bapa dalam proses membantu meningkatkan perkembangan diri anak-anak. Sekiranya ibu bapa memainkan tanggungjawab yang penuh terhadap anak-anak, seterusnya mereka akan memahami setiap keperluan dan aktiviti yang dijalankan oleh anak-anak ketika di sekolah. Dengan ini secara tidak langsung anak-anak akan melibatkan diri dengan baik ketika di sekolah. Dalam teori Hieraki Keperluan Maslow (1943) juga ada menunjukkan kaitannya dengan penglibatan murid di mana Ibu bapa perlu memberikan keperluan seperti kasih sayang, jaminan keselamatan dan penghargaan diri untuk anak-anak mereka. Anak-anak akan bersemangat dan bermotivasi untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dijalankan di sekolah. Dengan adanya sokongan dan dorongan dari segi keperluan asas yang mencukupi ini akan menyebabkan anak-anak rasa dihargai dan disayangi.

Anak-anak yang mempunyai respons positif adalah mempunyai satu hubungan yang rapat serta baik terhadap ibu bapa mereka. Sebagai ibu bapa, haruslah memberi sokongan terhadap setiap aktiviti yang melibatkan penglibatan anak mereka ketika di sekolah begitu juga dengan memahami tujuan penglibatan mereka dalam setiap aktiviti sekolah yang dilaksanakan. Ibu bapa juga harus berhubung dengan guru-guru di sekolah berkaitan aktiviti yang dijalankan untuk anak-anak mereka. Oleh itu, dengan adanya sokongan ibu bapa ini , penglibatan murid di sekolah dapat ditingkatkan dengan baik.

Secara keseluruhan dalam kajian ini bagi hasil data sokongan guru terhadap keterlibatan murid menunjukkan pada kedudukan tahap yang tinggi, iaitu guru perlu sentiasa berhubung dengan ibu bapa murid berkaitan pembelajaran mereka di sekolah. Kajian ini menunjukkan ada hubungannya sokongan guru dalam mempengaruhi penglibatan murid di sekolah. Menurut kajian Willms (2003), Fredricks et al. (2005) serta Lam (2012) mendorong keterlibatan murid di sekolah, peranan guru adalah penting. Dengan adanya sokongan guru, murid-murid lebih bersemangat dan bermotivasi untuk melibatkan diri dalam sekolah, kerana gurulah merupakan individu yang dapat membimbing serta mendorong murid-murid untuk melibatkan diri dengan baik ketika di sekolah. Dapatan ini dikukuhkan dengan kajian Manisah dan Noorfaziha (2018) dalam kajian mereka mendapati bagi menggalakkan dan meningkatkan tahap penglibatan dalam kalangan pelajar, kerjasama antara pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa adalah perlu dalam merancang aktiviti berkaitan yang bukan sahaja menekan pencapaian akademik tetapi juga membina pembangunan sosio-emosi pelajar. Oleh itu peranan sokongan guru ini

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

perlulah di dititik beratkan bagi meningkatkan penglibatan diri yang baik oleh seorang murid.

6. Kesimpulan

Melalui analisis data keseluruhan data Korelasi Person telah menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara keterlibatan murid dengan sokongan ibu bapa dan guru. Isu yang sangat lazim ini menjelaskan bahawa keterlibatan murid yang tinggi di sekolah adalah berpengaruh daripada ibu bapa dan guru. Hasil kajian telah membuktikan ada perkaitannya antara kedua-dua sokongan ini terhadap keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar.

Secara keseluruhan, implikasi kajian sokongan ibu bapa iaitu ibu bapa sukar memahami aktiviti anak-anak di sekolah mempengaruhi keterlibatan murid di sekolah. Namun keterlibatan secara individu dan sokongan guru juga mempunyai pengaruhnya dalam keterlibatan murid di sekolah. Oleh itu ketiga-tiga pihak ini perlulah diberi perhatian dan perlu berganding bahu serta saling berhubung untuk meningkatkan keterlibatan murid yang tinggi ketika di sekolah.

Bagi cadangan kajian lanjutan, pengkaji seterusnya disarankan untuk menyasarkan kajian terhadap ibu bapa murid sekolah menengah luar bandar dan mempelbagaikan lagi kaedah kajian serta kaedah pengumpulan data. Ini penting agar pengkaji seterusnya dapat mengembangkan dan memperluaskan lagi dapatan kajian.

Kesimpulannya, kajian sokongan ibu bapa dan guru terhadap keterlibatan murid penting untuk menjelaskan bahawa keterlibatan individu murid, sokongan ibu bapa dan guru adalah faktor yang berupaya mempengaruhi keterlibatan murid sekolah menengah luar bandar.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden yang telah banyak membantu dalam menjayakan kajian ini dengan jayanya. Penulis juga ingin mengucap ribuan terima kasih atas segala bantuan, dorongan dan bimbingan yang telah diberikan oleh pensyarah, keluarga, PPD Subis, rakan guru serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Tiada bantuan kewangan serta tajaan yang diterima sepanjang kajian ini dijalankan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Aida Suraya Md. Yunus, & Rosnaini Mahmud (2018). Pengaruh Guru, Rakan Sebaya dan Sokongan Keluarga Terhadap Keterlibatan Matematik Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, 8*(1), 1-12.

Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

Daniel Ginting. (2021). Student Engagement, Factors,and Method Affecting Learning in English Language Teaching. *Voices of English Language Education Society, 5*(2), 215-228. http// dx.doi.org/10.29408/ veles.5i2.3968.

Epstein, J. L. et al. (2009). *School, Family and Community Partnerships: Your Handbook for Action* (2nd Edition), Corwin Press,

Fredricks, J. A., Blumenfeld, P., & Friedel, J. (2005). What do children need to flourish? Conceptualizing and measuring indicators of positive development. In Moore K. A., Lippman L. H. (Eds.), *School Engagement* (pp. 305-321). New York: Springer.

Gay, L., & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson International Edition.

Hanita Mohd Yusoff & Norzaini Azman (2018). Pencapaian Akademik Murid Lelaki dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran dan Keterlibatan Murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, 15*(12), 257-287. https//doi.org/10.32890/mjli2018.15.2.10

Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang, & Abd Razaq Ahmad, (2020). Keterlibatan Pelajar dan Hubungan dengan Kemahiran Insaniah. *Jurnal Pendidikan Malaysia 45*(1), 68-74. http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.0ISI

Khairunnisa Kamarulzaman. (2019). *Hubungan di Antara Konsep Kendiri dan Sokongan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional.* BF Psychology Thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Knollmann, M., & Wild, E. (2007). Quality of Parental Support and Students' Emotions during Homework: Moderating Effects of Students' Motivational Orientations. *European Journal of Psychology of Education,* 22.

Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610.

Lam, S. F. (2012). Do girls and boys perceive themselves as equally engaged in school? The result of an international study from 12 countries. *Journal of School Psychology, 50*(1), 77-94.

Manisah Mohd Ali & Noorfaziha Hassan. (2018). Defining Concepts of Students Engagements and Factors Contributing to Their Engagement in Schools*. Creative Education*, 9, 2161-2170. https//doi:org/10.4236/CE.2018.914157

Martin, A.J, & Marsh, H.W (2009). Akademik resilience and academic buoyancy Multidimensional and hierarchical conceptual framing of causes, correlates and cognate constructs*. Oxford Review of Education,* 35, 353-370.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review, 50*(4), 370–396. https://doi.org/10.1037/h0054346.

McInercy, D.M (2010). *The role of sociocultural factors in shaping student engagement in Hong Kong: An ethnic minority perspective*. Paper presented at the Chair Professors: Public Lecture Series, The Hong Kong Institute of Education, China.

Skinner, E. A., & Belmont, M.J. (1993). Motivation in the Classroom: Reciprocal effects of teachers behavior and student egagement across the school year. *Journal of Educational Pscyhology, 85*, 571-581. http//dx.doi.org/10.1037/00220663.85.4.571.

Willms, J.D. (2003). *Student engagement at school: A sense of belonging and participation*. PISA 2000.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).